



SIARAN MEDIA / *MEDIA RELEASE*
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR OLEH YB MENTERI KEWANGAN II
DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
MENGENAI PEMBAYARAN AWAL IMBUHAN TAHUNAN 2014
ATAU BONUS KEPADA PENJAWAT AWAM DAN BANTUAN
KHAS KEPADA PESARA KERAJAAN

1. Dalam Bajet 2015, Kerajaan telah mengumumkan pemberian bonus sebanyak setengah bulan gaji atau minimum 500 ringgit kepada penjawat awam dan bantuan khas sebanyak 250 ringgit kepada pesara Kerajaan. Pemberian bonus dan bantuan khas ini dijadualkan dibayar bersekali dengan gaji bulan Januari 2015.
2. Kerajaan prihatin dan memahami situasi semasa terutama sekali kepada penjawat awam yang terlibat dalam bencana banjir. Sehubungan itu, **Kerajaan bersetuju pembayaran Imbuhan Tahunan 2014 atau Bonus sebanyak setengah bulan gaji atau minimum 500 ringgit kepada penjawat awam dan bantuan khas sebanyak 250 ringgit kepada pesara Kerajaan diawalkan pembayarannya pada 15 Januari 2015.**

3. Kerajaan berharap pemberian ini dapat meringankan beban penjawat awam akibat banjir serta membantu persediaan persekolahan anak-anak.

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
PUTRAJAYA**

5 JANUARI 2015